



PR1MA LANCAR M-NIAGA BAGI MEMACU SOSIOEKONOMI KOMUNITI

Kuala Lumpur, 18 April 2025 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), telah melancarkan unit komersial M-Niaga untuk memperkasa sosioekonomi komuniti tempatan. Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sempena Majlis Madani Muhibah Aidilfitri 1446H anjuran KPKT di Putrajaya.

Melalui inisiatif M-Niaga ini, PR1MA menyediakan sebanyak 256 unit komersial dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) berjumlah RM160.15 juta untuk menyokong perniagaan kecil dan sederhana dalam kawasan kediaman PR1MA. Berkeluasan di antara 689 – 5,803 kaki persegi, unit-unit ini menampilkan reka bentuk fleksibel dan susun atur praktikal, sesuai untuk pelbagai jenis perniagaan. Lokasi-lokasi terpilih yang strategik dan berhampiran kawasan yang berkembang pesat juga akan menjamin aliran trafik dan keterlihatan yang optimum kepada peniaga. Dengan harga bermula daripada RM289,800, unit-unit komersial M-Niaga terletak di Selangor, Perak, Melaka, Kedah, Kelantan, Johor, Sabah, dan Sarawak.

M-Niaga adalah sebahagian daripada aspirasi PR1MA untuk membentuk komuniti yang berkembang dan berdaya tahan dari segi ekonomi. Ia selari dengan prinsip komuniti “Saku” PR1MA, yang memberi penekanan kepada pembangunan sosioekonomi komuniti PR1MA. Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen PR1MA dalam melangkaui peranan utamanya sebagai penyedia kediaman mampu milik berkualiti, ke arah menjadi pemacu pembangunan komuniti yang dapat meningkatkan taraf hidup penduduk secara menyeluruh.

"Pelancaran M-Niaga adalah bukti komitmen PR1MA dalam memperkasakan komuniti melalui penyediaan peluang ekonomi yang mampan. Kami percaya bahawa inisiatif ini amat penting dalam meningkatkan taraf hidup penduduk dan mewujudkan ekosistem perniagaan yang berdaya saing, selari dengan matlamat kami untuk menyediakan pembangunan bersepadu yang inklusif dan mampan", kata YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PR1MA.

"Usaha PR1MA dalam melancarkan M-Niaga adalah selaras dengan matlamat Kerajaan MADANI untuk meningkatkan kualiti kehidupan Rakyat, serta menggalakkan pembangunan fizikal dan sosioekonomi tempatan. Saya ucapkan syabas kepada

PR1MA atas inisiatif yang bermakna ini. Saya percaya M-Niaga bukan sahaja berpotensi membentuk komuniti yang lebih kondusif, malah dapat mewujudkan suasana perniagaan yang lebih inovatif dan berdaya saing, terutamanya untuk perniagaan kecil dan sederhana”, kata YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif M-Niaga, sila layari www.pr1ma.my.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Perspective Strategies

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

PR1MA

Khairul Faizi Dalaiil (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)